

30/06/1998

Dasar kewangan longgar dorong satu lagi krisis

SETIAUSAHA Perbendaharaan Amerika Syarikat, Robert E Rubin semalam memberi amaran bahawa sebarang kelonggaran dasar kewangan di negara Asia akan mendedahkan risiko kepada satu lagi pusingan krisis mata wang.

Sambil mempertahankan dasar kadar faedah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di Asia, Rubin berkata kestabilan mata wang amat penting untuk menangani masalah struktur asasi yang serius dalam ekonomi Asia.

"Jika anda mempunyai dasar kewangan yang longgar, risiko yang anda ambil adalah untuk menyebabkan (nilai) mata wang susut dengan lebih besar. Penurunan besar mata wang, sebaliknya, akan menyebabkan inflasi tambahan dan ini akan menghalang pelaburan dari luar."

"Justeru, akan berlaku kesukaran membayar balik pinjaman yang dibuat dalam mata wang luar," katanya pada sidang akhbar selepas mengakhiri lawatan sehari ke Malaysia sebelum berlepas ke Thailand di Shah Alam semalam.

Sejak krisis kewangan tercetus berikutan pengapungan baht Thailand 2 Julai tahun lalu, pasaran saham dan mata wang Asia Tenggara selain Korea, Taiwan dan Jepun merudum. Keseluruhan nilai mata wang susut dengan rupiah menurun lebih 83 peratus, manakala ringgit susut kira-kira 39 peratus.

Rubin mengakui kadar faedah yang terlampau tinggi boleh mencekik ekonomi serantau ketika ia berusaha untuk pulih serta membebaskan diri daripada belunggu kegawatan sekarang.

Katanya, kunci utama adalah menseimbangkan keadaan sambil mempertahankan langkah IMF untuk mengekalkan rejim kadar faedah tinggi.

Pakej menyelamatkan IMF kepada Indonesia, Thailand dan Korea Selatan diiringi langkah berhemat yang memberi tekanan kepada kenaikan kadar faedah, menimbulkan masalah pengangguran dan kesan sosial yang negatif.

Rubin berkata, pendekatan dilakukan IMF di Asia adalah betul dengan cuba untuk mencari keseimbangan di antara dua pertimbangan supaya mereka dapat mengembalikan keyakinan serta menyokong mata wang dan pada masa yang sama tidak mencekik ekonomi.

Katanya, semua itu adalah isu kompleks yang berlebihan bagi negara yang terjejas sambil menegaskan bahawa apa yang dilakukan IMF adalah cuba mencari keseimbangan yang betul.

"IMF melihat ke dalam kepada setiap negara dan membuat penghakiman terbaik dalam konteks negara terbabit. Jika perlu, mereka menyesuaikan (rejim) kadar faedah (tinggi). Apa yang mereka (IMF) buat bukan satu formula yang sesuai dalam semua pendekatan," katanya.

Bagaimanapun, Rubin enggan mengulas secara khusus mengenai rejim kadar faedah di Malaysia dan seruan berulang kali Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rejim dasar kewangan ketat dilonggarkan.

(END)